



---

## PENGIKTIRAFAN BIDANG TEKNOLOGI KESIHATAN DAN PERUBATAN OLEH LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA (MBOT)

---

Perkembangan sektor kesihatan di Malaysia khususnya susulan daripada pandemik Covid-19 telah memberikan perspektif baru untuk mengiktiraf bidang **Teknologi Kesihatan dan Perubatan (Health and Medical Technology - HM)** sebagai salah satu bidang teknologi dan teknikal yang diiktiraf oleh MBOT.

Pengiktirafan ini akan memartabatkan juruteknik dan teknologis dalam industri kesihatan dan perubatan sebagai profesion yang sangat penting setaraf dengan profesion-profesion yang lain.

Skop perkhidmatan yang diiktiraf termasuklah pembangunan dan pengurusan kemudahan kesihatan, peranti perubatan, teknologi maklumat dan pengkomputeran kesihatan, kawalan infeksi, pengurusan klinikal dan e-sisa dan kemudahan kesihatan mudah alih.

Sehubungan dengan itu, semua pengamal dalam bidang berkaitan **Teknologi Kesihatan dan Perubatan** boleh memohon sebagai Teknologis Berijazah atau Juruteknik Berkelayakan dan seterusnya sebagai Teknologis Profesional (Ts.) atau Juruteknik Bertauliah (Tc.).

Unit Komunikasi Korporat  
Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)  
[t.nabila@mbot.org.my](mailto:t.nabila@mbot.org.my)